

23/06/2003

Tokoh korporat harus tampil bantu gilap bakat baru

Raja Ahmad Zainuddin

PERHIMPUNAN Agung Umno Ke-54 yang berakhir kelmarin bukan saja meninggalkan sejarah tersendiri tetapi juga kejayaan besar rakyat Malaysia

dalam mencatat rekod cemerlang dalam bidang sukan seperti mana dinyatakan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sekadar menyebut nama perenang Abdul Malik Mydin, Presiden Umno itu dalam ucapan dasarnya turut melahirkan rasa bangga di atas beberapa rekod

lain yang berjaya kita lakukan, sekalipun tidak pernah diberikan harapan oleh mana-mana pihak.

Barat terutamanya, bukan saja bersikap angkuh dan sentiasa mendabik dada

tetapi memandang rendah kemampuan negara membangun seperti Malaysia.

Begitupun, kita tidak pernah mengaku kalah dan akhirnya rakyat kita berjaya juga menawan Gunung Everest. Azhar Mansor, katanya adalah seorang

lagi yang mencatat sejarah menjadi pelayar solo.

Semuanya ini berjaya kita lakukan, menurut Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohamed Tajol Rosli Tan Sri Ghazali ketika membahaskan ucapan dasar presiden adalah kerana kesediaan rakyat Malaysia menyambut cabaran 'Kita Boleh' iaitu slogan yang diilhamkan Perdana Menteri. Lebih membanggakan lagi, Perdana Menteri sendiri turut berada bersama ribuan rakyat ketika menyambut kejayaan Abdul Malik dan Azhar Mansor.

Mungkin ada lagi rekod kejayaan selepas ini? Dengan perasaan penuh bangga Datuk Seri Dr Mahathir juga melahirkan harapan biarpun selepas ini

kepimpinan negara akan dipikul Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tetapi tetap yakin sokongan yang sama akan diberikan kepada penggantinya itu dalam mencapai kejayaan seterusnya.

Jika perhimpunan tahun lalu, Piala Dunia menjadi tumpuan perwakilan, kali ini perkembangan bola sepak peringkat antarabangsa tetap juga menarik minat mereka.

Berita perpindahan pemain terhandal England, David Beckham bukan saja mengejutkan dunia bola sepak. Tetapi saya percaya ramai penyokong fanatik

kelab Manchester United (MU) di Malaysia juga mengikuti perkembangan terbaru itu.

Seperti dilaporkan, pemain tengah yang kaya dengan pelbagai fesyen dan ketua pasukan England itu akan bersama kelab Real Madrid mulai musim akan

datang dengan yuran perpindahan RM157 juta.

Selanjutnya, mampukah Real Madrid yang terkandas ke separuh akhir Liga Juara-juara, yang turut dibarisi pemain ternama seperti Roberto Carlos dan

Raul Gonzalez mengembalikan taringnya?

Atau apakah Beckham sekadar menjadi mangsa pengurusan the Red Devils?

Biarpun, penyokong MU melahirkan perasaan kecewa mereka di atas pemergian Beckham, yang pasti kekuatan Real Madrid masih belum terjamin sekalipun dibarisi ramai bintang.

Pengalaman tersebut juga saya alami ketika mengambil terlalu ramai pemain bertaraf bintang ketika bersama Perak dan akhirnya saya sendiri terpaksa akur dengan persembahan terumbang ambing pasukan.

Siapa yang tidak bangga jika memiliki 14 hingga 16 bintang dalam pasukan. Tetapi itu cuma di atas kertas. Saya tetap belajar daripada kesilapan itu dan akhirnya membuahkan kejayaan ketika menjulang Piala Malaysia pada tahun 1998 dan 2000.

Begitupun, mana-mana pengurusan tidak juga boleh dipersalahkan jika mereka mahukan pemain yang lebih baik. Jika tidak keterlaluan saya katakan, jurulatih Negeri Sembilan K Devan agak bernasib baik kerana walaupun dibarisi ramai bintang, berjaya juga menjulang Piala FA musim ini.

Bagi penyokong MU, nasihat saya kenapa mereka perlu kecewa sebaliknya harus berasa bangga kerana bintang kesayangan mereka menjadi rebutan banyak kelab elit dunia yang bersaing untuk mendapatkannya. Mereka masih boleh melihat aksinya cuma dengan pasukan yang berlainan.

Kita juga sepatutnya merasa bangga jika ada mana-mana atlit kita yang boleh mencapai kejayaan di luar negara seperti ratu bowling Shalin Zulkifli yang merangkul kejuaraan kedua berturut-turut dalam Kejohanan Bowling Asia baru-baru ini.

Sementara itu, saya turut tertarik langkah pembabitan beberapa Ahli Parlimen menerajui badan sukan seperti Datuk Bung Mokhtar Radin yang juga wakil rakyat Kinabatangan yang memimpin persatuan bowling Sabah.

Ahli Parlimen Sipitang, Sabah Datuk Dr Yusof Yacob pula terbabit di dalam menaja program Gemilang Gimnastik bernilai RM 1.2 juta untuk tempoh selama empat tahun termasuk menyediakan peralatan dan tenaga manusia, selain tunai.

Diharapkan juga lebih ramai tokoh korporat mencontohi Dr Yusof tampil membantu menaja mana-mana sekolah di bawah program itu terutama di kawasan luar bandar yang masih serba kekurangan di dalam kemudahan sukan.

Yang demikian juga akhirnya negara akan dapat mencungkil bakat baru sambil menggilap bakat tersebut bermula di peringkat rendah atau akar umbi.